

Negara bakal hab keluar bahan bakar pesawat mapan

Malaysia menyasar untuk menjadi hab pengeluaran bahan bakar pesawat mapan di Asia Tenggara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Sasaran itu bakal menjadi kenyataan menerusi kerjasama awam-swasta antara lima pihak untuk menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan (COE) bahan bakar pesawat mapan di negara ini.

COE bagi menjalankan kajian daya maju bahan bakar pesawat mapan yang akan dikendalikan menerusi Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) itu adalah sebahagian daripada inisiatif Pelan Induk Aeroangkasa Negara sehingga 2015, ke arah mengukuhkan daya saing negara dalam sektor yang dianggarkan mencecah AS\$2.2 trilion (RM6.8 trilion) di peringkat global.

Pelaburan RM40 juta

Lima pihak berkenaan ialah Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT), Airbus, Universiti Putra Malaysia (UPM), Pusat Kajian Antarabangsa Penyelidikan Pertanian Perancis (CIRAD) dan Malaysia Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

Naib Presiden Kanan MiGHT, Datuk Kamarulzaman Zainal, berkata kerjasama itu memabitkan pelaburan bernilai RM40 juta dengan separuh adalah menerusi geran kerajaan dan separuh lagi daripada peserta industri.

Katanya, matlamat utama penubuhan COE adalah untuk menjalankan kajian daya maju bagi menentukan bahan mentah paling sesuai dapat menghasilkan bahan bakar pesawat dengan menggunakan penyelesaian mapan.

► **Bisnes B2**

“
Jika didapati berdaya maju, kami akan mencari rakan industri yang bersesuaian”

Kamarulzaman Zainal,
Naib Presiden
Kanan MiGHT



Pengeluaran dalam 3 tahun

► Dari muka B1

“Penilaian pertama dijangka dapat disiapkan hujung tahun ini dan jika didapati berdaya maju, pengeluaran dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun,” katanya pada taklimat media mengumumkan kerjasama lima pihak terbabit di Cyberjaya, semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Eksekutif MiGHT, Dr Mohd Yusoff Sulaiman; Pengurus Program Tenaga Baharu Airbus, Frederic Cheyenne dan Ketua Pegawai Teknologi AMIC, Dr Cyrille Schwob.

Mengulas lanjut, Kamarulzaman berkata pelaburan awam berjumlah RM40 juta itu akan digunakan sepenuhnya bagi projek kajian daya maju berkenaan dan mungkin bertambah jika ada keperluan berbuat demikian pada masa depan.

“Jika didapati berdaya maju, kami akan mencari rakan industri yang bersesuaian bagi pengeluaran komersial bahan bakar pesawat mapan,” katanya.

Sementara itu, Cheyenne berkata, Airbus memilih Malaysia lokasi COE berkenaan di Asia Tenggara berikutan ekosistem kaji selidik mantap, sokongan daripada kerajaan di samping terdapat sumber biodiversiti meluas.

Katanya, rantau Asia Pasifik juga mencatatkan pertumbuhan ketara dari segi penggunaan bahan bakar pesawat dan perkembangan itu mewujudkan peluang baharu kepada pengeluar pesawat berkenaan.